

# Melayu Islam perlu buka minda

30 JAN 2002  
Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

**K**UALA LUMPUR 29 Jan. — Umat Melayu Islam perlu mengenal pasti dan mengakui kelemahan diri sendiri sebagai langkah pertama membuka minda untuk menerima pemikiran Islam yang sejajar dengan perubahan semasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pendekatan dan kemampuan menilai antara yang baik dengan yang buruk perlu menjadi kebolehan yang ada pada umat Melayu Islam.

“Dalam menilai sifat-sifat yang ada pada diri sendiri, tidak ada tempat bagi perasaan malu mengenai kelemahan diri dan kesombongannya yang tidak berasas.

“Demikian juga setelah mengenal pasti kelemahan yang ada pada diri sendiri, tidak perlu ada perasaan malu untuk menerima dan mengamalkan nilai yang ada pada orang lain, walaupun mereka daripada kaum dan bangsa yang kita kurang sebangun,” katanya.

● Teks ucapan penuh PM — Muka 6

● Sekitar persidangan — Muka 11

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di sini hari ini.

Bagi Perdana Menteri, minda yang terbuka hendaklah menerima perkara yang benar dan nyata.

“Yang benar dan nyata sekarang ini ialah keadaan umat Melayu Islam dan ketidakmampuan mereka.

“Yang benar dan nyata ialah di negara sendiri kita terpaksa bergantung kepada kaum lain untuk membangun dan memperkayakan negara kita. Yang benar dan nyata ialah banyak urusan dalam masyarakat dirancang dan dilaksanakan oleh kaum lain,” katanya.

Dari segi hubungan antarabangsa pula, beliau berkata, kenyataan sekarang ialah umat Melayu Islam tidak dapat mendirikan negara yang mampu membantu menyelamatkan orang yang tertindas dan daif terutama umat Islam.

■ Lihat muka 4

Menurut Perdana Menteri, adalah jelas bahawa minda yang terbuka merupakan suatu sikap baik yang perlu dimiliki oleh umat Melayu Islam.

“Yang benar dan nyata harus diakui walaupun pedih, dan yang benar dan nyata harus memandu (ke arah) pemikiran yang terbuka,” katanya.

Beliau percaya untuk memperoleh nikmat daripada minda yang terbuka, perubahan perlu diterima termasuk yang melibatkan budaya tanpa menghilangkan identiti bangsa.

Walaupun mengakui bahawa minda umat Melayu Islam sekarang sudah terbuka, Perdana Menteri kesal kerana kebanyakan yang masuk ke dalam pemikiran mereka adalah perkara yang tidak membina.

“Umpamanya asas Islam amat mudah. Apa yang diwajibkan sedikit

## Melayu Islam

sahaja. Untuk menjadi orang yang beragama Islam, yang diwajibkan ialah naik saksi bahawa tidak ada Tuhan disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah.

“Tetapi kita suka menokok tambah berbagai-bagai syarat sebelum orang yang sudah pun Islam diterima sebagai orang Islam,” katanya.

Disebabkan itu, Perdana Menteri berkata, perhubungan sesama umat Melayu Islam menjadi tegang dan buruk.

Beliau kesal kerana umat Melayu Islam mudah terpengaruh dengan ajaran-ajaran pihak tertentu sehingga tidak dapat memikir dan menilai keadaan di sekeliling mereka yang telah berubah secara radikal.

Dr. Mahathir juga kecewa kerana ada di kalangan mereka yang berpen-

## perlu buka minda

dapat bahawa orang Islam yang sebenar dapat diwujudkan hanya dengan mengembalikan semula kehidupan kepada alam 1,400 tahun dulu.

Bagi beliau, pendapat sebegini sebenarnya menghina ajaran Islam kerana telah menafikan bahawa agama suci itu adalah untuk semua zaman.

Perdana Menteri menegaskan umat Melayu Islam tidak akan ketinggalan zaman jika mereka mempunyai pemikiran terbuka yang boleh menerima ajaran Islam yang mengambil kira perubahan semasa.

“Hanya dengan memahami fardu ain dan kifayah, sunat dan wajib pun minda yang terbuka boleh menjadikan Islam sesuai untuk semua zaman dan tamadun,” ujarnya.

Beliau mengingatkan bahawa Islam merupakan agama yang mudah yang

memberi cukup masa untuk kerja-kerja penting lain termasuk menguasai ilmu dan kemahiran bagi kesejahteraan dan keselamatan umatnya.

Baginya, penguasaan ilmu sains dan teknologi serta perolehan hasil daripada ilmu-ilmu itu adalah jihad yang lebih baik daripada menyerang musuh secara membuta tuli yang mengundang petaka kepada umat Islam lain.

“Tidak ada gunanya berperang jika tentera Islam tetap akan kalah kerana tidak ada persediaan dan serba kekurangan. Tetapi asyik dengan mati syahid, serangan yang merugikan Islam dilancar.

“Sebenarnya yang benar-benar berjihad ialah mereka yang membiayai, mencipta, mengeluarkan peralatan peperangan yang boleh menakutkan musuh Islam sehingga tentera Islam lebih kuat dan canggih daripada musuh,” katanya.